

Felda
biaya
kajian
empat
universiti

SUNGKAI: Felda memilih empat institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi menguruskan Tabung Kecemerlangan Luar Bandar yang disediakan bertujuan memberi peluang kepada anak peneroka membuat penyelidikan dan menjalankan kegiatan berkaitan ketika menuntut di institusi berkenaan.

Pengerusi Felda, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor, berkata IPTA berkenaan ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) yang masing-masing akan menerima RM3 juta bagi program itu.

Beliau berkata, peruntukan yang diterima universiti itu adalah sebagai pembiayaan untuk menampung kos penyelidikan dan program pendidikan anak peneroka Felda di institusi mereka.

"Bantuan itu adalah sebagai permulaan bagi anak peneroka Felda menjalankan penyelidikan serta kegiatan berkaitan sepanjang menuntut di IPTA.

"Jumlah yang diperlukan bagi setiap penyelidikan dan kegiatan adalah berbeza. Sehubungan itu, kami tidak dapat mensasarkan jumlah pelajar yang dapat menggunakan peruntukan berkenaan.

"Bagaimanapun, jumlah yang diberikan adalah sebagai permulaan," katanya ketika ditemui selepas Majlis Penyampaian Sijil Kemahiran Felda Sesi 2/2003 di Pusat Latihan Trolak (PLT) di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Besar (Pembangunan) Felda, Ahmad Tarmizi Alias dan Pengurus PLT, Khairudin M Amin.

Sebelum ini, Yusof dilaporkan berkata, bantuan itu adalah sumbangan kepada mahasiswa yang bukan berbentuk biasiswa dan perlu dibayar balik oleh mereka selepas tamat pengajian.

Bagaimanapun, Yusof berkata, kos pembiayaan itu akan diganti dengan hasil kajian mahasiswa sebagai hak milik Felda disebabkan kos penyelidikan ditanggung sepenuhnya oleh tabung berkenaan.

Sementara itu, Yusof berharap semua bidang latihan yang diperkenalkan kepada anak peneroka akan mempermudah mereka mencari pekerjaan yang sesuai kerana semua latihan yang dibekalkan berbentuk teknikal.

Beliau berkata, semua latihan dipilih berdasarkan kepada populariti dan permintaan dalam masyarakat.

Katanya, walaupun latihan yang disediakan kepada anak peneroka bukan matlamat asal penubuhan Felda, ia menjadi pelengkap kepada sumbangan agensi itu terhadap peneroka.

"Walaupun ini sangat penting dalam melahirkan masyarakat peneroka yang mampu bersaing dengan masyarakat lain.

"Paling penting, semua peneroka terutama anak mereka perlu mengikis tanggapan masyarakat bahawa peneroka adalah daripada golongan miskin dan sepatutnya berbangga kerana datang dari keluarga peneroka," katanya.

Pada majlis sama, 383 pelatih dari PLT dan 55 dari Institut Teknologi Utama (ITU) di Kelana Jaya menerima sijil tamat latihan yang disampaikan Yusof.

25 FEBRUARI 2004

BERITA HARIAN

(94)